

Permohonan BR1M dibuka sehingga 31 Disember ini

PUTRAJAYA 5 Dis. - Borang permohonan serta pengemaskinian maklumat Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2017 mula dibuka hari ini sehingga 31 Disember depan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berkata, bagi permohonan secara manual, borang BR1M 2017 boleh didapati secara percuma di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDN serta Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDN.

"Pemohon juga boleh memuat turun borang permohonan di portal rasmi BR1M di <https://ebr1m.hasil.gov.my> atau www.treasury.gov.my.

"Pemohon perlu menyediakan dokumen tambahan seperti salinan pengenalan waris, tanggungan, dokumen slip pendapatan atau lain-lain dokumen yang berkaitan," jelas kenyataan itu.

Bagi permohonan atau pengemaskinian secara dalam talian, permohonan boleh dibuat di portal <https://ebr1m.hasil.gov.my> dan salinan permohonan perlu disimpan bagi tujuan rekod.

Jelas kenyataan itu, permohonan hanya boleh dibuat melalui komputer kerana aplikasi eBR1M tidak direka bentuk untuk capaian peranti mudah alih.

"Penerima BR1M 2016 (sedia ada) juga perlu mengemas kini maklumat terbaharu. Permohonan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan tidak dapat diproses atau gagal," ujar kenyataan itu. Menurut kenyataan itu lagi, notis dan surat makluman lulus atau gagal akan diposkan kepada pemohon bermula pada minggu kedua bulan Februari 2017. **UTUSAN**